



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Perbadanan) Synod Diocese Malaysia Barat 1971
DR.66/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi memperbadankan *Synod Diocese* Malaysia Barat.

[1]

BAHAWA SA-NYA pada 8 haribulan April, 1970 *Synod Diocese* Malaysia Barat telah di-tubuhkan di-Malaysia mengikut kuasa yang di-beri oleh *Archbishop of Canterbury*, sa-orang *Metropolitan* yang mempunyai bidangkuasa mengenai Mazhab Anglican dalam Malaysia;

DAN BAHAWA SA-NYA *Synod Diocese* Malaysia Barat ada-lah berhak menerima faedah dari harta aleh dan harta tak aleh tertentu dalam Malaysia Barat yang pada masa ini terletaklah pada Setiausaha *Synod Diocese* Singapura yang di-tuboh di-bawah Ordinan *Synod Diocese* Singapura, 1958;

67/58.

DAN BAHAWA SA-NYA ada-lah mustahak bagi memperbadankan *Synod Diocese* Malaysia Barat dan pengganti²-nya;

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Perbadanan) *Synod Diocese* Malaysia Barat, 1971.

Tajok ringkas.

2. (1) *Synod Diocese* Malaysia Barat dan pengganti²-nya hendak-lah menjadi suatu pertubohan perbadanan dan hendak-lah kekal turun-temurun dengan nama "*Synod Diocese* Malaysia Barat" kemudian daripada ini di-sebut Perbadanan dan hendak-lah menjadi badan yang berkuasa mentadbir Mazhab Anglican dalam Malaysia Barat.

Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh membuat kontrek dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa² jenis harta aleh dan harta tak aleh dan boleh

memindahak, memindahmilk, menyerahak, menyerah balek dan memulang, menggadai, menggadaijanji, mende-mais, menyerahak sa-mula atau sa-chara lain melepaskan atau membuat apa² urusan mengenai, apa² harta aleh atau harta tak aleh yang terletakhak pada Perbadanan dan boleh meminjamkan atau meminjam wang mengikut sharat² yang di-fikirkan patut oleh Jawatankuasa Tetap Perbadanan, kemudian daripada ini di-sebut Jawatankuasa Tetap, dan minit Jawatankuasa Tetap itu ada-lah menjadi keterangan yang chukup mengenai sharat² tersebut.

(3) Perbadanan boleh mendakwa dan di-dakwa mengenai harta-nya dan lain² dalam semua mahkamah keadilan dan mengenai semua perkara dan guaman.

Meteri
Perbadanan.

3. (1) Perbadanan hendak-lah mempunyai suatu meteri, dan meteri itu boleh-lah dari sa-masa ka-samasa di-pechahkan, di-tukar, di-ubah dan di-buat baharu sa-bagaimana yang di-fikirkan patut oleh Jawatankuasa Tetap.

(2) Meteri Perbadanan tidak boleh di-chapkan pada apa² suratikatan, suratan atau lain² suratchara kechuali mengikut kuasa ketetapan Jawatankuasa Tetap dan di-hadapan dua orang ahli Jawatankuasa Tetap, sa-orang daripada-nya ia-lah Bishop *Diocese* Malaysia Barat atau *Vicar-General* yang di-lantek oleh Bishop atau oleh *Archbishop of Canterbury* sa-masa berlaku-nya kekosongan jawatan *See* Malaysia Barat atau Chanselar, Bendahari, atau Setiausaha Perbadanan.

(3) Semua suratikatan, suratan dan lain² suratchara yang di-kehendaki di-meteri dengan meteri Perbadanan hendak-lah di-meteri dengan meteri Perbadanan dan hendak-lah juga di-tandatangani oleh dua orang saksi yang tersebut dalam sekshen-kechil (2).

(4) Tandatangan itu ada-lah keterangan yang chukup bahawa meteri tersebut telah di-chapkan dengan sa-patut-nya dan bahawa meteri tersebut ada-lah meteri Perbadanan yang sah.

(5) Suatu perakuan yang berupa di-tandatangani oleh Bishop *Diocese* Malaysia Barat atau, jika ia tidak ada, oleh *Vicar-General* yang di-lantek oleh Bishop atau oleh *Archbishop of Canterbury* sa-masa berlaku-nya kekosongan jawatan *See* Malaysia Barat ada-lah menjadi keterangan yang chukup mengenai orang yang dari sa-masa ka-samasa menjadi ahli Jawatankuasa Tetap dan orang yang menjadi Chanselar, Bendahari dan Setiausaha Perbadanan.

4. (1) Setiausaha *Synod Diocese* Singapura yang diperbadankan di-bawah Ordinan *Synod Diocese* Singapura, 1958 yang pada-nya terletaklah semua harta aleh dan harta tak aleh yang bertempat dalam Malaysia Barat di-punyai oleh Perbadanan sa-belum sahaja Akta ini mula berkuat-kuasa ada-lah dengan ini di-luchutkan hak-nya mengenai semua harta aleh dan harta tak aleh itu dan semua harta, hak dan kepentingan mengenai-nya.

Pindahak
harta
tertentu.
67/58.

(2) Semua harta aleh dan harta tak aleh yang tersebut dalam sekshen-kechil (1) dan semua harta, hak dan kepentingan mengenai-nya ada-lah dengan ini terletaklah pada Perbadanan mengenai masing² harta, hak dan kepentingan yang bagi-nya ia-nya di-pegang dan Perbadanan ada-lah berkuasa penoh untuk mengendalikan harta tersebut sa-bagaimana yang di-peruntokkan dalam sekshen 2 (2).

(3) Pemungut Hasil Tanah atau Pendaftar Hakmilek yang berkenaan hendak-lah menggantikan nama pemegang berdaftar dengan nama Perbadanan berkenaan dengan apa² kepentingan berdaftar mengenai harta tak aleh dalam Malaysia Barat yang dahulu-nya terletaklah pada Setia-usaha *Synod Diocese* Singapura.

5. Ordinan *Synod Diocese* Singapura, 1958 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Peman-
sokhan.
67/58.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk memperbadankan *Synod Diocese* Malaysia Barat bagi membolehkan Mazhab Anglican di-Malaysia Barat mengurus dengan sa-penoh-nya hal ehwal-nya sendiri di-Malaysia Barat dengan tidak bergantung kapada *Diocese* Singapura sa-bagai penjaga sah semua harta aleh dan harta tak aleh-nya.

2. *Dioceses* Malaysia Barat telah di-wujudkan pada 7hb April, 1970 dari *Diocese* Singapura yang lama bagi membolehkan Mazhab Anglican di-Malaysia Barat berkembang dengan sendiri-nya sa-bagai suatu yunit bebas dalam negeri ini.

[P.N. (U²) 185.]

1. This Act may be cited as the Synod of the Diocese of West Malaysia (Incorporation) Act, 1971.

2. (1) The Synod of the Diocese of West Malaysia, and its successors shall be a body corporate and shall have perpetual succession under the name "The Synod of the Diocese of West Malaysia," hereinafter called the Corporation and shall be the governing body of the Anglican Church in West Malaysia.